

Bil. S 2

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

PERINTAH AKTA TANDA PERNIAGAAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2020

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

1. Gelaran dan permulaan kuat kuasa
 2. Pindaan bab 2 dari Penggal 98
 3. Pindaan bab 82
-

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

PERINTAH AKTA TANDA PERNIAGAAN (PINDAAN) (BIL. 2), 2020

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuat kuasa

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Akta Tanda Perniagaan (Pindaan) (Bil. 2), 2020 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 4hb Mac 2006.

Pindaan bab 2 dari Penggal 98

2. Bab 2 dari Akta Tanda Perniagaan, dalam Perintah ini disebut sebagai Akta itu, adalah dipinda, dalam ceraihan (1) —

(a) dalam takrifan “Controller of Customs”, dengan memotong “Customs Act [Chapter 36]” dan menggantikannya dengan “Customs Order, 2006 [S 39/2006]”;

(b) dalam takrifan “customs control”, dengan memotong “Customs Act [Chapter 36]” dan menggantikannya dengan “Customs Order, 2006 [S 39/2006]”;

(c) dalam takrifan “officer of customs”, dengan memotong “Customs Act [Chapter 36]” dan menggantikannya dengan “Customs Order, 2006 [S 39/2006]”.

Pindaan bab 82

3. Bab 82 dari Akta itu adalah dipinda, dalam ceraihan (3), dalam perenggan (a), dengan memotong “Customs Act [Chapter 36]” dari baris akhir dan menggantikannya dengan “Customs Order, 2006 [S 39/2006]”.

Diperbuat pada hari ini 19 haribulan Jamadilakhir, Tahun Hijrah 1441 bersamaan dengan 13 haribulan Februari, 2020 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.